

22/06/2001

Tumpu lebih kepada isu luar

UMNO sepatutnya menumpukan perhatian yang lebih terhadap isu luar, bukannya isu dalaman yang akan melemahkan parti itu, kata ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, tumpuan kepada isu luar penting kerana musuh mereka berada di luar parti.

"Kita tidak harus menumpukan terlalu banyak perhatian terhadap isu dalaman kerana ia akan melemahkan diri kita.

"Isu utama yang perlu dihadapi oleh Umno kini ialah serangan daripada parti pembangkang," katanya ketika mengulas ucapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno.

Beliau turut menyeru golongan tua dan muda supaya mengimbas kembali sejarah perjuangan parti itu untuk menguatkan semangat ahli Umno bagi menentang segala anasir luar yang cuba memecah-belahkan parti.

(END)